


# Ulang Tahun Ke-90

SENTIASA GIGIH MENEROKA

SGM Singapura Koperatif Bhd

**Sentiasa Gigih Meneroka**

سنتياس ڬيڬيه منروک

**PENGERUSI JAWATANKUASA PENERBITAN DAN KEANGGOTAAN**

Dr Hirman Mohamed Khamis
Cikgu Mazli Mahmood

**KETUA EDITOR**

Dr Hirman Mohamed Khamis

**JAWATANKUASA PENERBITAN**

Profesor Madya Dr Kamsiah Abdullah
Cikgu Hamsani Raoh
Cikgu Abdullah Sardi
Cikgu Kamiti Nahim
Cikgu Mazli Mahmood
Cikgu Abdul Rahman Ibrahim

**PENYELERAS**

Puan Harniza Abdull Rahim

Ulang Tahun ke-90 SGM diterbitkan oleh:
Jawatankuasa Penerbitan dan Keanggotaan SGM (2021/ 2022).
Segala tulisan yang terdapat di dalam Titian adalah pendapat penulis dan bukanlah pandangan atau pendapat Lembaga Pengarah SGM. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah menyumbangkan artikel.

# Intisari

4 FOREWORD

7 MESSAGE FROM THE CHAIRMAN

10 LEMBAGA PENGARAH SESI 2021-2022

12 LIDAH PENGARANG

13 SEMBANG BERSAMA VETERAN

19 SOROTAN PERISTIWA

23 GAMBAR-GAMBAR KENANGAN 1: PERAYAAN HARI GURU 2016

24 DUNIA TAJAKA SGM

29 ARTICLE 1: GOVERNANCE OF THE SINGAPORE MALAY TEACHERS' CO-OPERATIVE LTD (BETTER-KNOWN AS SGM)

31 ARTICLE 2: DR KAMSIAH DI MEDIA

36 GAMBAR-GAMBAR KENANGAN 2: TAJAKA GRADUATION CONCERT 2013 [GOH: MRS ABDULLAH TARMUGI]

37 ARTICLE 3: SYARIKAT GURU MELAYU KOPERATIF SDN BHD... 'BY TEACHERS, FOR TEACHERS'....

39 ARTICLE 4: TABUNG CELENGAN, TRADISI MENABUNG ORANG JAWA

# Intisari


41 ARTICLE 5: MENABUNG DAN MEMINJAM – PERALIHAN MINDA

42 GAMBAR-GAMBAR KENANGAN 3: SEMINAR PLAN KOPERATIF [PADA SUATU MASA DAHULU...]

43 ARTICLE 6: MEMORIES AND HOPES

46 ARTICLE 7: SGM DIGITALISATION JOURNEY

49 GAMBAR-GAMBAR KENANGAN 4: LAWATAN KE PADANG & BUKIT TINGGI 1987

50 VISI ANGKATAN MUDA SGM

55 GAMBAR-GAMBAR KENANGAN 5: LAMA DAHULU

56 RAMPAISARI WARISAN 1

57 RAMPAISARI WARISAN 2

59 SNCF-SGM MEETING

61 PENGLIBATAN SYARIKAT GURU-GURU MELAYU KOPERATIF BERHAD DI TABUNG AMAL AIDILFITRI

63 SINGAPORE MALAY TEACHERS' CO-OPERATIVE LTD (OR SGM) EMBARKS ON ITS NEXT FIVE YEARS PLANS (2022-2026)

# FOREWORD



***Zaqy Mohamad***
***Senior Minister of State, Ministry of Defence & Ministry of Manpower, and Deputy Chairman of Yayasan MENDAKI***

Heartiest congratulations to Syarikat Guru Melayu Singapura Koperatif Berhad (SGM) on your 90th anniversary!

Since its inception in September 1931, the co-operative's membership has grown from over 90 Malay teachers to more than 800 Malay/Muslim teachers as ordinary members in 2022. As the only credit co-operative for Malay/Muslim teachers in Singapore, SGM has done its due diligence in providing economic support to our teachers by offering saving plans and loans in accordance with the Syariah and co-operative principles, especially in times of need.

When Covid-19 hit Singapore, SGM had swiftly adopted a digitalisation project to enhance its financial, communication and administrative governance. Financial transactions have been simplified through e-payments like "PayNow" while SGM's website has become more interactive to meet the needs of its members. Living up to its motto of Sentiasa Gigih Meneroka, I am pleased to note that SGM will be exploring various social media platforms to better interact and connect with its members.

Currently, SGM owns two childcare centres - SGM Murni at Tampines and SGM Little Kidz at Rivervale - since 1997 and 2008 respectively. These centres offer full and half-day childcare services. To date, over 3,100 children have benefitted from the services provided. As such, I am heartened to know of SGM's plan to expand its education sector as this will help to contribute towards the education of our future generation.

In fact, over the years, our Malay community has made good progress in education - a great testimony of our good and competent teachers. Findings from 2020 Census showed that the percentage of Malays who attained post-secondary or higher qualifications has increased by more than three times, from 15.8% in 2000 to 47.5% in 2020. SGM can help to encourage parents with young children to ensure that their children receive at least three years of pre-school education so that they will be ready for Primary One.

As we work together to build a Community of Success, I look forward to reading many more accomplishments by SGM. I wish SGM and its members many more good years ahead.



Zaqy Mohamad
Senior Minister of State,
Ministry of Defence & Ministry of Manpower, and
Deputy Chairman of Yayasan MENDAKI

# FOREWORD

I would like to extend my warm congratulations to the Singapore Malay Teachers' Co-operative Limited for its 90 years of operations and contributions to the co-operative movement.

Incorporated in 1932, the Co-operative has overcome many challenges to become what it is today, whilst staying true to its roots and values in its business dealings. Since its humble beginnings, the Co-operative's membership has now crossed the one thousand mark.

Over the last few years, many businesses have been severely hit by the COVID-19 pandemic and they are forced to either pivot, transform or succumb to closure. The Co-operative had stayed resilient and embraced technology to enhance its capabilities in the financial and administrative space to better serve its members. It also recognized the need for younger people and newer ideas to propel the Co-operative forward in the years to come. It is truly heartening to see one of the oldest co-operatives being agile and adaptable in order to stay relevant to meet members' changing needs.

I wish the Co-operative prolonged success, and may it continue to stay relevant and serve the needs of its members.

**Ms Crystal Du**
**Registrar of Co-operative Societies**
**Ministry of Culture, Community And Youth**

mccy
Ministry of Culture, Community and Youth

SENTIASA GIGIH MENEROKA SENTIASA GIGIH SENTIASA

# FOREWORD



***Mr Ang Hin Kee, Singapore National Cooperative Federation, CEO***

Congratulations to the Singapore Malay Teachers' Co-operative Limited, also known as Syarikat Guru Melayu Singapura Koperatif Bhd (SGM) on its 90th Anniversary! Since SGM's incorporation on 7 September 1931 with over 90 Malay teachers to the current membership of almost 1,000 members, SGM can be proud of reaching this significant milestone and its contribution to the growth of the Singapore Co-operative Movement.

In the early years, the primary objective of many credit co-operatives such as SGM was to safeguard the financial health of members by encouraging thrift and providing affordable loans. As Singapore evolves through its nation-building years, SGM continues to be relevant through expanding its service offerings to its community of Malay teachers.

From playing the role of a credit co-operative providing loan services for the Malay 'cikgus' to extending a suite of savings plans to encourage members to save up, SGM has expanded into businesses and investments as early as the seventies and the Co-operative was renamed as Singapore Malay Teachers' Multi-Purpose Co-operative Limited in 1976. Part of SGM's innovative services included the setup of two preschool centres to provide affordable childcare services to the members.

Co-operatives have been an integral part of our lives and are here to stay. I am certain SGM will continue to seek new and innovative ways to engage and support its members and the community amidst the challenges and uncertainties.

As we commemorate SGM 90th Anniversary, let us celebrate the past, reflect on the present and continue to build on the foundation laid by the pioneer generation of co-operators. Continue to Do Good and Do Well and we will emerge stronger together!

# MESSAGE FROM THE CHAIRMAN



***Mr Johari Mohamed Rais***

Respected Members of the Board of Directors and Staff of SGM,

May Peace Be Upon You, Always.

Firstly, my heartfelt gratitude to all members and the SGM family for their unstinting services to the community as we reach our 90th Anniversary.

Secondly, my congratulations to the publication committee for their teamwork and sense of camaraderie in producing this commemorative magazine of our Anniversary. There are a lot of initiatives lately, some are already on stream whilst others are in its initial stages. Nevertheless, we carry the values of our pioneers in our quest to uplift the economic well-being of the members as well as in serving the community to the best we can.

Ten years from now we shall be celebrating our 100th year Anniversary. A lot of planning and new initiatives had already begun. This is to bring back the golden years of strength in membership and the healthy culture of thrift and loans.

With economic strength our society can move forward towards commendable achievements, like keeping strategic assets or working towards improving their skills and knowledge at work.

It is my hope, with the grace of Allah, that the younger generation in the teaching profession can come forward to enhance SGM towards greater achievements. It is within the capacity of the younger members now to lay the foundation and groundwork for the next ten years. This is to ensure the existence and well-being of SGM as an economic icon of the Malay Teachers' community, especially.

# ڤرأوتوسن ڤڠروسي



حاج جوهاري محمد رئيس

ڤارا اهلي ايس.جي.عيم، اهلي لمبڬا ڤڠاره دان ورڬ كرجا يڠ دكاسيهي.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ ٱللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

ڤرتام ساي ايڠين مڠوچڤكن ستيڠڬي-تيڠڬي تهنيئه كڤد اندا كران ماسيه تروس بربقتي كڤد مشاركة ستله ايس.جي.عيم. منچاڤاي اوسيا 90 تاهون.

كدوا، تهنيئه جوڬ كڤد جاوتنكواس ڤنربيتن يڠ تله بكرجاسام دان براوسها مڠحاصيلكن ڤنربيتن اين. بايق يڠ تله دأوسهاكن اوليه ايس.جي.عيم. كبلاكڠن اين. اد يڠ برجاي، اد يڠ ماسيه ڤد ڤريڠكت ڤرمولاءن، نامون ايس.جي.عيم. سباڬايمان ڤارا ڤرينتيسڽ، اكن تروس برجواڠ اونتوق ممڤرتيڠكت كمصلحتن ايكونومي ڤارا اهليڽ سرتا بربقتي كڤد مشاركة سداي اوڤاي كيت.

10 تاهون دري سكارڠ، كيت اكن سمڤاي كأولڠتاهون ايس.جي.عيم. يڠ ك-100. ڤربينچڠن دان اوسها تله دمولاكن اونتوق مرنچڠكن اكتيۏيتي ايس.جي.عيم. سباڬايمان زمان ككميلڠنڽ - ممڤوڤاءي اهلي يڠ لبيه راماي سرتا ممبوداياكن ڤنابوڠن، ڤميمجمن دان ڤلابورن يڠ صيحت. دڠن كبوليهن ايكونومي يڠ لبيه تيڠڬي، اهلي دان مشاركة كيت داڤت ملڠكه

ماجو كهادڤن دڠن ڤنچاڤاين٢ يڠ لبيه تيڠڬي سڤرتي مراءيه إجازه اونيۏرسيتي دان اسيت٢ ايكونومي يڠ ستراتيجيك.

# ڤرأوتوسن ڤغروسي

مک اداله هارڤن ساي مليهت ڬينراسي مودا دالم کالڠن ڤميمڤين ايس.جي.عيم. سرتا راکن٢ سڤرجواڠن مريک دالم بيدڠ ڤرکوروان منروسکن ڤرجواڠن ايس.جي.عيم. اين دان ممباوا اورڬانيساسي اين کتاهڤ يڠ لبيه تيڠڬي، دڠن ايذين توهن يڠ مها اسا، مها ڤڠمڤون، مها ڤموره، مها ڤڽايڠ، لاڬي مها مڠاسيهاني.

تريما کاسيه اتس سومبڠن دان سوکوڠن اندا سلاما اين.

سکيان دهولو درڤد ساي،

**حاج جوهاري محمد رئيس، ڤي.بي.عيم.**

**ڤغروسي، ايس.جي.عيم.**



# LEMBAGA PENGARAH SESI 2021-2022

## EXECUTIVE COMMITTEE



**HJ JOHARI MOHAMED RAIS,PBM**
*CHAIRMAN*



**MOHD FAIZAL ISMAIL**
*FIRST DEPUTY CHAIRMAN*



**ASSOC. PROF. ROKSANA BIBI ABDULLAH**
*SECOND DEPUTY CHAIRMAN*



**MOHD FAIZAL FADZLILLAH**
*THIRD DEPUTY CHAIRMAN*

## COMMITTEE OF MANAGEMENT



**ABDUL RAHMAN IBRAHIM**
*MEMBER*



**SYED MOHAMAD ALSAGOFF**
*MEMBER*



**HAMSANI RAOH**
*MEMBER*



**KAMITI NAHIM**
*MEMBER*



**ASSOC. PROF. KAMSIAH ABDULLAH**
*MEMBER*



**DR HIRMAN MOHAMED KHAMIS**
*MEMBER*

# LEMBAGA PENGARAH SESI 2021-2022

## AUDIT COMMITTEE



**ABDULLAH SARDI**
*MEMBER*



**MUHD ARIFF MOHD NOOR**
*MEMBER*



**MAZLI MAHMOOD**
*MEMBER*



**MOEN KASIR**
*MEMBER*

## ADMINISTRATIVE STAFF



**IDRIS AZIZ MATTAR**
*GENERAL MANAGER*



**ABDUL RAB MD. TAIB**
*SENIOR ACCOUNTS OFFICER*



**FARIDAH AHMAD TOKA**
*ACCOUNTS OFFICER*



**HARNIZA ABDULL RAHIM**
*ACCOUNTS OFFICER*



**HARTINI BTE ABDUL HAMID**
*HR OFFICER*



**NATASSHA ROSLAN**
*MEMBERSHIP/ LOANS OFFICER*

# LIDAH PENGARANG

*Dengan Nama Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang*

Setiap kali para anggota Lembaga Pengarah dari generasi muda bersembang dengan para veteran, mereka akan disajikan dengan kisah-kisah sejarah permulaan SGM dan zaman kegemilangannya. SGM atau dikenali sebagai Syarikat pada masa itu telah menjadi tempat berhimpun dan bersosial bagai sebuah kelab. Lengkap dengan kafeteria pada suatu masa, guru-guru muda dari setiap pelusuk negara berjumpa untuk bertukar khabar dan idea dalam kerjaya perguruan sambil mendapatkan khidmat Syarikat.

Lebih penting lagi, ialah fungsi sebenar Syarikat iaitu membantu para ahli menabung serta mendapatkan barang-barang keperluan melalui pinjaman yang dimampui para ahli. Sejak dekad enam puluhan, Syarikat sudahpun bekerjasama dengan beberapa perniagaan (seperti kedai kamera, kedai televisyen, kedai perabot, kedai permaidani dan sebagainya) untuk memberikan potongan harga yang amat baik kepada para ahli.

Budaya menabung dan meminjam wang yang sihat dan rancak serta pulangan yang lumayan membolehkan para ahli sendiri meraih dividen yang tinggi. Segala keuntungan Syarikat akan kembali kepada para ahlinya. Ini merupakan suatu sistem kitaran ekonomi yang amat menguntungkan semua pihak. SGM telah dapat mengumpulkan aset sebanyak $2 juta pada 1976 dan $15 juta pada 1999.

Namun itu cerita zaman dahulu. Kini, bagaimana para pemimpin SGM dalam kalangan generasi muda hendak meyakinkan rakan-rakan guru mereka untuk mengembalikan zaman kegemilangan itu? Agar cita-cita ini dapat direalisasikan, SGM telah mengadakan mesyuarat khas atau retreat selama dua hari pada Disember lalu (2021) yang membincangkan secara terperinci rancangan strategik yang akan membawa SGM kepada kejayaan-kejayaan seterusnya tidak kira sama ada kejayaan itu bakal menyamai zaman kegemilangan SGM ataupun tidak. Sama-sama kita berdoa agar Tuhan terus menaburkan kejayaan dan kemakmuran ke atas SGM bersama para ahlinya serta masyarakat kita secara am. Aamiin, Ya Rabbal Aalamiin.



# Sembang Bersama Veteran

Sempena Ulang Tahun yang ke-90 SGM, para anggota muda Lembaga Pengarah telah mengambil kesempatan untuk bersembang, berbual atau 'ngobrol' (kata orang Jawa), bersama empat orang veteran. Banyak cerita yang menarik dapat didengar. Cerita-cerita yang diharapkan dapat memberikan motivasi kepada golongan muda untuk membawa SGM ke peringkat yang lebih tinggi.

## CIKGU ABDULLAH SARDI





*Wawancara dan laporan oleh Dr Hirman Mohamed Khamis*

### PENGENALAN

Saya mula menjadi guru pada tahun 1954. Lulus dari TTC (Teachers' Training College) tahun 1957.
Kemudian saya menjadi anggota KGMS (Kesatuan Guru2 Melayu Singapura) dan juga SGM setelah lulus dari TTC. Semenjak hari itu hingga hari ini saya masih mengganggotai SGM walaupun saya sudah bersara lebih 32 tahun. Saya mula bergerak aktif di Syarikat pada tahun 1986 hingga ke hari ini, saya masih menjadi anggota lembaga pengarah SGM.

Sepanjang menjadi anggota yang aktif di SGM, saya telah memegang jawatan setiausaha selama 5 penggal dan dilantik menjadi pengerusi Syarikat Tafakul Singapura (STS). Ketika ini, saya menjadi

### PENGALAMAN SUKA-DUKA

pengerusi jawatankuasa audit dalaman dan mempengerusi dana kebajikan bersama (DKB).
Saya amat berterima kasih kepada SGM yang telah banyak membantu apabila saya memerlukan bantuan kewangan terutama di zaman semasa saya masih muda dahulu hingga saya bersara.

Semasa saya bertugas sebagai setiausaha, saya mempunyai sebuah tim yang amat kuat yang terdiri daripada pengerusi Cikgu Md Yusof Abdullah, Saudara Rahman Ibrahim sebagai Bendahari dan Cikgu Patimah Jaludin sebagai Penolong Setiausaha. Selain mereka ada juga Cikgu Abdul Rahman A. Samad (Allahyarham), Cikgu Bohari Abdul Razak, Cikgu Rahmah Rahmat (Allahyarhamah) dan ramai lagi yang telah bekerja bersungguuh-sungguh untuk memajukan

Syarikat. Kami telah membuat banyak perubahan dengan mengubah pejabat SGM yang terletak di 5A dan 3F Paya Lebar Road. Kami juga telah menyediakan bilik mesyuarat; bilik sekretariat, musollah dan kafeteria untuk kemudahan anggota Lembaga Pengarah dan juga para ahli SGM yang datang ke pejabat syarikat.





Sebagai Pengerusi Syarikat Takaful, saya telah diberi peluang untuk menghadiri mesyuarat Takaful ASEAN di Kuala Lumpur, Labuan, Brunei dan juga di Jakarta. Saya berpeluang untuk berkenalan dengan tokoh-tokoh yang berpengalaman dalam bidang tersebut.

Satu hal yang tak dapat saya lupakan, kami telah menghidupkan semula majalah Syarikat yang terhenti penerbitannya iaitu Warita. Ketika saya menjadi setiausaha kami telah menubuhkan sebuah tim yang khusus untuk menerbitkan semula Warita. Allahyarham Haron Ghani dan juga Cikgu Syed Mohamad serta Cikgu Buang Abdul Rashid telah menyertai jawatankuasa tersebut. Dari situ jawatankuasa penerbitan telah menerbitkan majalah Titian yang masih aktif sehingga hari ini.

## PENGLIBATAN SGM DALAM KERJA KEMASYARAKATAN

Kami telah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengumpulkan dana bagi membantu masyarakat yang memerlukan bantuan . Jawatankuasa Kecil (JKK) ini telah mengadakan beberapa aktiviti seperti jogathon dan soccerthon. JKK ini telah diketuai oleh Saudara Bokhari dan dibantu oleh Cikgu Patimah Jaludin serta Allahyarhamah Cikgu Rahmah Rahmat. Kami telah dapat membantu lima buah madrasah sepenuh masa dan merupakan pertubuhan Melayu yang pertama membantu NKF dengan menderma lebih 70,000 dolar sehingga tertubuhnya MKAC (Muslim Kidney Action Committee) yang kini dipimpin oleh Saudara Ameerali Abdeali.

# Sembang Bersama Veteran

## CIKGU SYED MOHAMMAD AL-SAGOFF





*Wawancara dan laporan oleh Dr Hirman Mohamed Khamis*

Saya mula bertugas sebagai guru, pada tarikh 5hb Januari tahun 1959. Semasa bekerja sebagai guru pelatih, saya sudahpun ditugaskan mengajar di Sekolah Melayu Pulau Bukom Kecil. Saya bertugas di sana selama lapan tahun iaitu dari mula saya menjadi guru sehinggalah saya lulus dari TTC (Teachers' Training College) pada tahun 1963.

Sebelum pun tamat pengajian, saya telah menjadi anggota Syarikat. Saya mula aktif sebagai ahli Lembaga Pengarah pada sekitar tahun 1985 dan memegang jawatan Penolong Setiausaha hanya enam bulan selepas menyertai Lembaga Pengarah. Sejurus selepas itu saya diberi jawatan setiausaha yang saya pegang selama satu penggal sebelum diambil alih oleh Cikgu Abdullah Sardi.

Semasa saya bertugas sebagai setiausaha, beberapa lawatan ke Indonesia telah dibuat oleh para ahli Lembaga Pengarah. Sedikit sebanyak ilmu yang dapat kami pelajari telah diterapkan ke dalam operasi harian Syarikat.

Pada masa itu, Allahyarham Cikgu Haron Ghani dan Allahyarham Cikgu Yusof Abdullah, bekas setiausaha SGM, telah banyak membimbing saya dalam tugas sebagai setiausaha. Beliau juga pernah menjadi pengerusi SGM dan telah banyak memberikan bimbingan kepada saya.

Kami di Syarikat bekerja untuk memajukan Syarikat dan kami anggap pejabat Syarikat itu sebagai rumah kedua kami. Di sana kami berkumpul, berbincang dan membuat kerja-kerja Syarikat. Ketika itu komputer belum wujud dan segala dokumen dihasilkan dengan menggunakan mesin taip dan mesin cap Gestetner yang menggunakan stensil. Ini termasuklah minit dan laporan mesyuarat.

Saya juga pernah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi SAMCO (Syarikat Gabungan Koperasi Melayu Singapura). Koperasi ini juga boleh memberikan pinjaman kepada anggota SGM dan kepada anggota koperatif yang bergabung dengan SAMCO.

Sehingga hari ini saya masih kekal di SGM/SAMCO sebagai anggota Lembaga Pengarah.





Sembang Bersama Veteran

# CIKGU ABDUL RAHMAN IBRAHIM





*Wawancara dan laporan oleh Cikgu Mazli Mahmood*

## PENDAHULUAN

Saya mula berkhidmat dengan SGM pada tahun 1975. Sekaligus, saya telah dipilih terus memikul tanggungjawab sebagai Bendahari SGM. Fokus penting pada masa itu, adalah mengemaskini sistem perakaunan yang tidak begitu rapi dan mengandungi banyak perkara yang remeh-temeh.

Namun, bukan mudah bagi para Lembaga Pengarah menerima perubahan yang hendak diperkenalkan demi untuk mempermudah perjalanan SGM dalam urusan-urusan berkaitan dengan pentadbiran kewangan anggota khususnya. Yang harus diambil kira ialah pandangan para anggota dan Lembaga Pengarah yang masih bersikap konservatif pada dekad 80an dan sungguh berhati-hati dalam hal-ehwal kewangan.

## PENGALAMAN SEBAGAI ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH DALAM URUSAN PERNIAGAAN

Pada dekad 80an dan 90an, SGM telah menceburi beberapa bidang perniagaan. Antaranya ialah membuka restoran sate, iaitu Sate Inn. Idea ini bermula dengan peluang yang diberikan untuk membuka cawangan bagi Sate Ria. Ibu pejabatnya di Malaysia. Oleh sebab terdapat banyak cabaran yang dihadapi, SGM terpaksa menghentikan kontrak dengan Sate Ria, Malaysia, dan membentuk sendiri sebuah restoran kelolaan SGM sendiri iaitu Sate Inn.

Sungguh malang nasib SGM, disebabkan masalah pengurusan, bisnes Restoran Sate Inn juga terlungkup. Nasib yang sama menimpa tiga lagi projek kendalian SGM. Tiga projek yang dimaksudkan adalah pembentukan Takaful, projek yang melibatkan hartanah yang mengikuti sistem ‘time-sharing’ iaitu, Duta Vista dan Investcorp Sendirian Berhad (Malaysia).

Sebaliknya pula, pada tahun 1980, ketika bekerjasama dengan Penolong Pendaftar, saya dapat meyakinkan Lembaga Pengarah untuk membentuk Dana Kebajikan Bersama (DKB). Tujuan asal DKB adalah mengadakan perkhidmatan kebajikan khusus bagi anggota SGM. Tetapi, terdapat para anggota SGM yang menganggap DKB sebagai insurans nyawa (life insurance). Mereka sangkakan DKB telah melanggar ciri-ciri Syariah. Atas sangkaan itu, ramai yang telah menarik diri daripada menganggotai DKB.

Apabila dipilih untuk menyandang jawatan Pengerusi pada Tahun 1995, saya telah mendapat mandat daripada Lembaga Pengarah untuk mengadakan suatu ketetapan iaitu SGM tidak akan lagi berkecimpung dalam urusan perniagaan atau pelaburan dalam jangka masa 10 tahun.

Sememangnya SGM tidak ada langsung kepakaran atau pengalaman dalam bidang perniagaan.

## PENCAPAIAN SGM

SGM merupakan salah satu organisasi yang terlibat dalam pembentukan pertubuhan Mendaki. Saya telah berkhidmat sebagai anggota Lembaga Pengarah Mendaki selama 3 panggal (6 tahun).



Kemudian pada tahun 1993, tajaka SGM Murni ditubuhkan. Tajaka tersebut terletak di Tampines. Setelah lima tahun menjalankan perkhidmatan tajaka, SGM Murni berjaya mencapai tahap 'break even'. Berbekalkan dana yang terkumpul sebanyak setengah juta dolar, SGM pula dapat menubuhkan satu lagi tajaka iaitu Little Kidz pada 2008. Hingga kini, kedua-dua tajaka ini masih bertahan dan berkhidmat kepada masyarakat.

Satu-satunya tanggungjawab yang berat bagi seorang pengerusi, adalah memastikan SGM sentiasa beroperasi mengikut Akta Koperatif, undang-undang kecil SGM (By-laws) dan Arahan Bertulis Pendaftar (Written Directions). Ini disebabkan audit. Pada penghujung tiap-tiap tahun, SGM akan melalui pemeriksaan audit yang dijalankan oleh sebuah firma audit yang dilantik pada Mesyuarat Agung SGM. Dan pada setiap 5 tahun pula, SGM akan diaudit-operasi (operational audit), iaitu audit secara 100%.

## HARAPAN MASA HADAPAN SGM



Sebagai sebuah koperatif, SGM akan menghadapi beberapa cabaran. Disebabkan beberapa insiden yang baru sahaja dialami oleh beberapa koperatif lain, SGM sebagai sebuah koperatif jenis kredit dimestikan bertumpu hanya kepada satu jurusan aktiviti saja, iaitu urusan pinjam-meminjam dan penabungan simpanan anggota.

Saya ingin mengesyorkan kepada pihak Lembaga Pengarah supaya memikirkan balik idea untuk menghidupkan 'Young Tree' Koperatif Berhad yang merupakan koperatif jenis perkhidmatan (service cooperative) untuk mengendalikan perkhidmatan tajaka. Dan kedua-dua tajaka, SGM Murni dan SGM Little Kidz dapat berfungsi dengan lebih lancar lagi dengan pentadbiran (sepenuh masa) yang lebih profesional dan meraihkan kemudahan-kemudahan yang lebih baik.

Pada pendapat saya, Syarikat Guru Melayu (SGM) merupakan satu-satu koperatif yang beridentiti, khusus bagi golongan guru sahaja. Harapan saya, SGM akan kekal relevan bagi para guru pada masa akan datang.

# Sembang Bersama Veteran

## CIKGU MOEN KASIR



### PANDANGAN OLEH...



**Puan Harniza Abdull Rahim**
Bagi saya, Cikgu Moen ialah seorang yang berwibawa seperti seorang bapa yang banyak memberikan dorongan dan tunjuk ajar serta dapat memberikan buah fikiran untuk menyelesaikan sesuatu masalah di pejabat. Beliau juga seorang yang tegas, berdisplin dan kemas.



**Puan Faridah Ahmad Toka**
Di sebalik perwatakannya yang agak garang, saya percaya di dalam hatinya ada sebuah taman yang sentiasa melindungi para pekerja yang berada di bawah jagaannya agar sentiasa selamat. Lebih-lebih lagi ketika kami berdepan dengan juruaudit luar dan diajukan dengan bermacam-macam soalan.

Setiap kali beliau berada di pejabat, kehadirannya dapat dihidu dengan keharuman minyak wangi kegemarannya yang berjenama Aramis. Akhir kata, semoga Cikgu Moen sihat selalu dan bahagia di samping keluarga tercinta.



**Encik Abdul Rab Md Taib**
Cikgu Moen mempunyai pegangan yang tegas dan tulus. Setiap keputusan yang dibuat oleh beliau adalah adil dan saksama demi kebaikan kesemua ahli staf di pejabat.









# Sorotan PERISTIWA



*Berdasarkan Majalah TITIAN dari Julai 2016 hingga Mac 2021*

*Oleh: Kamiti Nahim*







## SGM-Mendaki-KGMS Champions

*Oleh: Jamilah Ahmad*

*[Mac 2021 Halaman 21]*

Sebuah inisiatif bersama antara SGM, Mendaki dan KGMS telah dilancarkan oleh Dr Yaacob Ibrahim (selaku Menteri Hal Ehwal Masyarakat Islam pada ketika itu) di Hotel Crowne Plaza. Program ini bertujuan mempertingkat tahap pencapaian pendidikan para penuntut Melayu serta tahap ekonomi masyarakat Melayu Islam secara am. Para pemimpin Mendaki yang terdiri daripada para Ahli Parlimen turut hadir.







## Sudut Bahasa

*Oleh: Muhammad Ariff bin Mohd Noor*

*Editor: Syed Abu Bakar Aljunied*

*[Julai 2013 Halaman 2-3]*

Cikgu Muhammad Ariff menceritakan pengalaman melawat rumah seorang Munsyi Dewan di Melaka iaitu Haji Muhammed Salehudin serta perbualan dengan beliau yang menyentuh beberapa aspek Bahasa Melayu. Antara yang dibincangkan ialah penggunaan perkataan ‘banyak’ dan ‘ramai’. Menurut Kamus Dewan istilah ‘ramai’ mempunyai 9 definisi. Selain itu, peribahasa ‘Bagai melepaskan batuk ditangga’ telah disalahertikan di mana ‘batok’ (tempurung kelapa) disangka ‘batuk’ (mengeluarkan nafas daripada paru-paru dengan keras dan bising). Batok yang digunakan untuk menyiram kaki sebelum naik ke rumah tradisional Melayu, kadangkala terlupa si pengguna meletakkan balik ke dalam tempayan. Apabila sudah naik ke atas dan teringat, si pengguna tadi melemparkannya ke arah tempayan – suatu perbuatan yang tidak bersungguhsungguh.



**Perjumpaan Hari Raya Di Crowne Changi Airport Hotel**
*[Julai 2013 Halaman 8]*





Setelah dua tahun ditiadakan, sebuah majlis telah dianjurkan bagi menyambut ketibaan Hari Raya Aidilfitri. Majlis yang sama sebenarnya juga dianjurkan untuk memberikan penghargaan kepada para pesara dan wakil 'Champions'. Tetamu Kehormat, Encik Zainal Sapari (Ahli Parlimen Pasir Ris-Punggol) telah menyerikan majlis itu.

**'Muzakarah' ke Sulawesi**
*[Julai 2014 Halaman 2-3]*




Para Anggota BOD dapat meneroka bandar Makassar di Sulawesi sambil mengatur gerak dan hala tuju SGM untuk masa-masa akan datang dalam sebuah 'retreat' yang diadakan di bandar yang eksotik itu. Sulawesi atau Celebes – tanah Bugis terdiri daripada enam provinsi: Sulawesi Selatan, Utara, Tengah, Barat, Tenggara dan Gorontalo.

**Menambah Bilangan Anggota SGM: Tanggungjawab Bersama**
*Oleh: Dr. Roksana Bibi Abdullah [Julai 2014 Halaman 10-11]*





Dr Roksana mengingatkan pembaca bahawa para ahli SGM patut menjadi 'duta' yang menyebarkan maklumat mengenai manfaat menjadi ahli SGM kepada sahabat handai dan masyarakat umum yang berkerjaya sebagai guru. Dengan itu mudah-mudahan matlamat utama penubuhan SGM dapat direalisasikan. SGM juga akan menjadi sebuah pertubuhan yang jauh lebih baik sekiranya para guru baharu menganggotai SGM dengan niat murni bagi menabung.

Sorotan
PERISTIWA



**Seminar Antarabangsa: Penglibatan Wanita dalam Perkembangan Ekonomi Koperatif**
*Oleh: Patimah Jaludin [Mei 2015 Halaman 4-5]*






Seminar ini telah diadakan di Crystal Crown Hotel, Petaling Jaya, Selangor pada 9 hingga 11 Disember 2014. Dianjurkan oleh ANGKASA Malaysia, seminar ini bertujuan menggalakkan wanita memainkan peranan mengembangkan ekonomi negara masing-masing melalui bidang koperatif.

**SG50 – Oh Singapuraku**
*Oleh: Kamiti Nahim [Mei 2015 Halaman 15]*




Sempena ulang tahun kemerdekaan Singapura yang ke50, Cikgu Kamiti mengenang nostalgia zaman remajanya pada dekad 50an dan 60an serta keadaan negara ketika itu. Termasuklah ketika berita tersebar bahawa Singapura akan keluar dari Malaysia. Perasaan orang ramai agak tidak menentu, penuh dengan ketidakpastian, kebimbangan dan kehampaan. Pada akhir dekad yang sama itu, pihak British pula menutup kesemua pangkalan tenteranya. Ramai yang kehilangan pekerjaan. Dekad enam puluhan dan kemerdekaan Singapura adalah masa yang amat mencabar.

**Masam-masam Manis April 2016**
*Oleh: Abdullah Sardi [Julai 2016 Halaman 18-19]*





Penulis yang membawa nama pena Andak telah melahirkan rasa sedihnya atas kepergian dua tokoh bahasa di Singapura. Yang pertama ialah Allahyarham Pendita Dr Muhammad Ariff Ahmad yang sememangnya tiada tandingannya. Diikuti pula dengan Allahyarham Cikgu Mohd Naim Daipi, seorang lagi tokoh pendidikan bahasa Melayu yang tidak asing lagi. Andak berharap ramai anak muda Melayu yang akan tampil ke hadapan menggantikan kededua tokoh Bahasa Melayu tersebut. Lebih daripada itu Andak berharap lebih ramai lagi anggota SGM yang mengikut jejak Almarhum Cikgu Muhammad Ariff dalam usaha melestarikan koperatif SGM sehingga ke akhir hayat beliau.

Sorotan PERISTIWA



**ETitian (Isu Pertama)**
*[2021]*

Buat julung-julung kalinya, penerbitan berkala SGM iaitu Titian diterbitan dalam bentuk digital (PDF) dan dinamakan eTitian. Tulisan Jawi juga telah disertakan. Bilangan pembaca dijangka meningkat memandangkan fail PDF dapat disebarkan dengan cepat melalui internet dan medsos. Dengan pautan-pautan yang menghubungkan pembaca terus ke lelaman SGM, adalah diharapkan juga bilangan ahli, pemanfaatan kad ahli dan urusan peminjaman juga akan meningkat.

















# *Gambar-gambar Kenangan I*
# PERAYAAN HARI GURU 2016















# Dunia TAJAKA SGM

*SGM Murni dan SGM Little Kidz @Rivervale*

*(Ringkasan sorotan peristiwa dari 2012 hingga 2021)*
*Oleh: Dr Hirman Mohamed Khamis*

*Titian Mac 2012 (halaman 4)*
**Anugerah Pelajar Terbaik Tadika 2**

Hani Insyirah binte Ismad, anak kepada pasangan ibu bapa muda, Encik Ismad dan Puan Rosilah. Hani menunjukkan prestasi tinggi dalam pelajaran serta ciri-ciri seorang pemimpin apabila sentiasa memberi semangat kepada rakan-rakannya menghabiskan kerja sekolah serta membantu mereka.







*Titian Mac 2012 (halaman 2-3)*
**Permulaan Operasi Perasmian LITTLE KIDZ @Rivervale**

Penantian sejak Ogos 2008 akhirnya berhasil dengan pembukaan sebuah lagi tajaka – SGM Little KIDZ @ Rivervale. Pada 19 Ogos 2010, SGM telah mendapat kelulusan daripada MCYS untuk memulakan operasi khidmat penjagaan bayi.



*1st batch of SGM Little KiDZ @ Rivervale Staff.*



# Dunia TAJAKA SGM





*Titian Julai 2013 (halaman 6)*
**Lawatan PECERA 2012**

Para wakil dari pertubuhan PECERA (Pacific Early Childhood Education Research Association) telah mengunjungi Tajaka SGM Murni di Tampines pada tanggal 20hb Julai 2012. Mereka mewakili negara-negara Indonesia, Taiwan, Korea, China dan Jepun.



*Titian Julai 2013 (halaman 4-5)*
**Konsert Tahunan 2012**

Kohort kedua graduan SGM Little Kidz @Rivervale seramai dua puluh murid telah diraikan di Tampines Regional Library pada hari Sabtu, 3 November 2012, jam 5.00 petang. Majlis tersebut diserikan dengan kehadiran Encik Michael Palmer, Mantan Anggota Parlimen Punggol East sebagai tetamu kehormat. Turut hadir ialah Encik Rahman Ibrahim, Pengerusi Lembaga Pengarah SGM serta ahli-ahli yang lain.





*Titian Julai 2013 (halaman 7)*
**Lawatan PERMATA 2012**

Para wakil dari Bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak Malaysia (PERMATA) telah mengunjungi Tajaka SGM Murni pada tanggal 28hb Februari 2013. Rombongan seramai 40 orang pendidik itu diketuai oleh Datin Radziah M Daud. Lawatan tersebut telah dianjurkan oleh Pengarah Perancangan AECES (Association for Early Childhood Educators Singapore).



# Dunia TAJAKA SGM

*Titian Julai 2014 (halaman 7)*

**Majlis Tamat Pengajian dan Konsert Akhir Tahun 2013**
**[2 tajaka bergabung tenaga]**



Buat julung-julung kalinya pada 17 Oktober 2013, Tajaka SGM Murni dan SGM LittleKIDZ @Rivervale telah bergabung tenaga untuk meraikan Majlis Tamat Pengajian bagi murid-murid Tadika 2 serta mempersembahkan Konsert Akhir Tahun 2013. Majlis ini telah diserikan dengan kehadiran Puan Abdullah Tarmugi selaku Tetamu Kehormat.



*Titian Julai 2014 (halaman 8-9)*

**Pembelajaran Interaktif di LITTLE KIDZ**

Little KIDZ telah mengambil beberapa langkah mempromosikan pembelajaran interaktif di tajaka mereka. Antara aktiviti yang dijalankan adalah menerangkan konsep menerusi penggunaan video dan membuat lawatan-lawatan secara fizikal seperti ke Taman Haiwan Singapura.









*Titian Mei 2015 (halaman 8)*

**Majlis Persembahan Drama Tajaka SGM**
**[2 tajaka bergabung tenaga]**

Pada tanggal 26 September 2014, Tajaka SGM Little Kidz dan Tajaka SGM Murni telah bergabung tenaga untuk menjayakan konsert bagi murid-murid yang telah mengambil bahagian dalam Program Pengayaan Drama dan Pertuturan (Speech and Drama Enrichment Program). Mereka telah dilatih oleh Cik Latha dari My First Steps.







*Titian Mei 2015 (halaman 9)*

**Sarapan Pagi Bersama Ibu Bapa [di tajaka masing-masing]**

Pada 27 Februari 2015, para ibu bapa di kededua tajaka iaiatu SGM Murni dan SGM LittleKIDZ @Rivervale telah menyertai para guru dan ketua tajaka dalam satu sesi sarapan pagi. Kededua tajaka telah mengambil peluang ini memperkenalkan makanan sihat kepada para ibu bapa serta mengeratkan silaturrahim antara ibu bapa dan warga kerja kededua tajaka itu.





*Titian Julai 2016 (halaman 14-17)*

**Muzakarah SGM Murni di Darul Ma'wa**

Members of SGM Murni staff visited Darul Ma'wa to bring joy to the residents of kindergarten age through motivational activities (fun and games). Meals were also sponsored by SGM Murni.

"Thank you for doing this with our children… We have'nt seen them being so happy," said one of the Darul Ma'wa staff.







# Dunia TAJAKA SGM

**Dari eTITIAN (Isu Pertama 2021)**

Puan Siti Maryam Lim, Pengetua Little Kidz @ Rivervale, menerangkan bagaimana tajaka-tajaka SGM tidak patah semangat menghadapi Covid-19. Segala arahan keselamatan yang diwajibkan di seluruh negara bagi menghadapi wabak ini dapat dilaksanakan walaupun lebih mencabar di sebuah tajaka, memandangkan para pelajarnya cilik-cilik belaka.

Lebih daripada itu, tajaka-tajaka SGM berjaya menggalakkan penjagaan kesihatan mental dalam kalangan ahli-ahli stafnya melalui pertandingan membuat Terrarium. Aktiviti pengeratan (bonding) ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah SGM.



**Dua tajaka kelolaan SGM...**

SGM Little KiDZ @Rivervale
Child Development Centre

Blk 188C Rivervale, Sengkang, #01-1042
Singapore 543188

SGM Murni
Child Development Centre

Blk 411, Tampines St 41, #01-241
Singapore 520411

Article 1

# GOVERNANCE OF THE SINGAPORE MALAY TEACHERS' CO-OPERATIVE LTD (better-known as SGM)

*Written by: Idris Aziz Mattar*
*General Manager, Singapore Malay Teachers' Co-operative Ltd*



**What is "governance"?**

Let us understand the definition of the word "governance" itself before we go any further. What does "governance" mean? From the practitioners' point of view, "governance" is the "system by which organisations are directed and controlled" by their very own principles, practices and procedures. Governance can also be defined as the "system by which establishments or entities operate" : the structure and processes for decision-making, accountability, control and behaviour of all who constitute the organization, from the top echelon of leadership to the ordinary staff.

For an organization to survive and be in sync with the economic upscale of the country, good governance is important, and is a must. Good governance allows for

- the preservation and strengthening of stakeholders' confidence
- the foundation for a high-performing organization
- the achievements of goals, and the sustainability of progress and achievements
- the organization to be well-placed to respond to an ever-changing economic landscape and external environment, vis-à-vis, technology and digitalization

From a professional perspective, corporate governance has the following characteristics :

- discipline
- transparency
- independence
- accountability
- responsibility
- fairness
- efficiency
- social mobility

In ensuring stability in governance, 'leadership capacity and capability-building" is important; it must be harnessed on an on-going basis, for it will then ensure continuity of purpose and direction for the organization to move forward. Leaders in an organization have a tremendous role to play

for they must have the capacity to influence and guide others in the organization. Moral values, ethics, risk-management, commitment and compliance must all be in the works to ensure the administration of governance is as flawless as can be.

What then are the benefits of good corporate governance that all business entities would want to look forward to to achieve? Good corporate governance…

- encourages positive work behaviour
- reduces the cost of capital expenditure
- improves/facilitates top-level decision-making
- assures fair and just internal controls
- allows for better forward-planning of short-term, middle-term and long-term goals
- attracts and motivates the grooming of talents in various capacities

How then is SGM managed and administered, many may ask. What is its governance like?

SGM is overseen by 15 Board of Directors or Committee of Management, led by the Chairman and 3 Deputy Chairmen. Decisions are made collectively by all members of the Committee of Management; no unilateral decisions are made. Major decisions are made at the Board of Directors' Meeting once every month ; and, if there is a need to meet, a "special" BOD Meeting will be called for.

The day-to-day "running" of SGM is left to the General Manager and 6 other staff stationed at the HQ (or Wisma SGM) ; the two Childcare Centres are headed by the respective Principals of SGM Murni and SGM Little Kidz at Tampines and Rivervale. Both Principals keep in close touch with the General Manager and the staff at HQ to ensure smooth administration of matters related to finance and other issues pertaining to the teaching staff and the students.

SGM is doing excellently well, and many of its staff have been around for 10 years and more, highly committed and dedicated. At the onset of its 90th Anniversary, and moving forward to looking at its Centennial Anniversary, SGM must look towards renewal of staff (as many are past 50 years of age), and Board Members (as half of its Board Members have past retirement age) . Young "blood" needs to fill the gaps created for SGM to confidently move forward to achieve its aspirations.

Laporan: Syawal Yusoff
Diterbitkan : 03 Sep 2021 09:31PM Dikemas Kini : 03 Sep 2021 09:37PM

https://berita.mediacorp.sg/singapura/hari-guru-usia-bukan-penghalang-dr-kamsiah-abdullah-untuk-terus-10776

# Hari Guru: Usia bukan penghalang Dr Kamsiah Abdullah untuk terus berbakti dalam bidang pendidikan




**"Kalau seseorang itu sudah jadi guru, sampai bila pun mereka akan tetap dipanggil cikgu"**

*Dr Kamsiah Abdullah, 75 tahun yang sudah mengajar selama hampir enam dekad*

SINGAPURA: Pada usia 75 tahun, Profesor Madya Kamsiah Abdullah masih lagi aktif menyumbang dalam bidang pendidikan sebagai Profesor Madya Adjung dalam Program Bahasa dan Sastera Melayu di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS).

Di samping mengendalikan kuliah, beliau turut bertanggungjawab merancang sukatan modul bagi program tersebut sejak menyertai institusi itu pada 2018. Sempena Hari Guru pada Jumaat (3 Sep), BERITAmediacorp menyorot kisah perjalanan kerjaya Profesor Madya Kamsiah sepanjang hampir enam dekad.

### JASA GURU DIKENANG SEHINGGA BILA-BILA

Kerjaya Dr Kamsiah sebagai seorang guru bermula pada tahun 1964 di Sekolah Melayu Kota Raja sebagai guru Sains dan Bahasa Melayu. Beliau kemudian mengajar di dua lagi sekolah iaitu Sekolah Perempuan Tanjong Rhu dan Sekolah Menengah Maju (kini dikenali sebagai Sekolah Menengah Broadrick).


(Gambar: Syawal Yusoff)

"Saya sebenarnya sangat minat untuk mengajar. Daripada kecil lagi saya memang pernah mengajar tuisyen, mengajar kawan-kawan, adik-beradik saya. Dan setelah saya mengambil peperiksaan GCE 'O' sahaja, ada permohonan untuk menjadi guru pelatih dalam aliran Melayu pada masa itu. Jadi saya pun mohon dan memang saya sangat minat untuk mengajar kanak-kanak," kata Dr Kamsiah.

Sepanjang 57 tahun kerjayanya, Dr Kamsiah sudah mengajar pelbagai peringkat pelajar, dari sekolah rendah sehinggalah ke menara gading. Ini termasuk di Institut Pendidikan Teknikal (NIE) dan Universiti Teknologi Nanyang (NTU). Bukan sahaja menabur bakti di Singapura, beliau juga pernah menjadi pensyarah di Universiti Brunei Darussalam selama empat tahun.


(Gambar: Dr Kamsiah Abdullah)

(Gambar ihsan: Dr Kamsiah Abdullah)

Malah itu bukan pertama kali beliau mengajar di luar negara. Pada 1969, beliau dipilih menyertai kumpulan pertama rombongan guru-guru yang dihantar ke luar negara dan mengajar di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan di Brunei Darussalam selama lapan tahun.

Sepanjang hampir enam dekad, Dr Kamsiah sudah melihat banyak perubahan dalam bidang pendidikan kecuali satu perkara...

"Saya rasa sikap sayang pada guru. Itu saya tak lihat dia kendur dalam 57 tahun. Murid-murid ini, ibu bapa murid pun juga sangat hormat pada guru. Terutama sekali dalam budaya kita. Menjadi guru adalah suatu kerjaya yang mulia dan dianggap tinggi oleh masyarakat. Kalau seseorang itu sudah jadi guru, sampai bila pun mereka akan tetap dipanggil cikgu," ujar Dr Kamsiah.

Beliau menambah, meski format pembelajaran kini sudah beralih ke wadah online misalnya, guru-guru masih lagi memainkan peranan penting.

"Walaupun kita sudah ada pembelajaran dari rumah di internet, tapi siapa yang membinanya? Guru kan? Jadi macam mana pun kita tidak akan ada situasi dimana kita tidak akan perlukan guru itu lagi," kata Dr Kamsiah.

Salah seorang anak perempuannya juga mengikuti jejaknya dan kini mengajar di sebuah sekolah rendah. Pada masa lapangnya, Dr Kamsiah turut mengajar 14 orang cucunya mengaji.

**PRIHATIN AKAN NASIB GURU-GURU MELAYU LAIN**

Selain berkhidmat untuk para pelajar, Dr Kamsiah juga prihatin akan kebajikan guru-guru Melayu yang lain.

Lantaran itu beliau menyertai Syarikat Guru Melayu Singapura Koperatif sejak 1993 dan kini berkhidmat sebagai Anggota Lembaga Pengarah.



Di samping itu, Dr Kamsiah juga berkhidmat sebagai Anggota Lembaga Penasihat dalam Majlis Bahasa.

Walaupun sudah bergelar pendidik mapan, Dr Kamsiah masih terus belajar dan menimba kemahiran baru.

Beliau menambah: "Sebagai seorang guru kita tidak boleh elakkan daripada belajar sepanjang hayat. Mudah-mudahan kita dapat membina murid-murid kita siapa yang kita ajar menjadi manusia berguna pada masyarakat. Misi kita untuk membina pelajar yang arif budiman."



Bagi Dr Kamsiah, kepuasan dan motivasi yang mendorong beliau untuk terus mengajar adalah apabila melihat kejayaan yang diraih para pelajarnya.

Beliau kini sedang dalam perancangan untuk menerbitkan sebuah buku.

Sumber : BERITAmediacorp/tq

*Natasha Mustafa*
*Sep 05, 2021 | 05:30 AM*

*https://www.beritaharian.sg/setempat/60-tahun-mengajar-sekolah-rendah-hingga-universiti*

# 60 tahun mengajar sekolah rendah hingga universiti...

### ... dan di usia 75 tahun, Dr Kamsiah masih terus jadi guru hingga kini



*TERUS KOMITED MENGAJAR: Memulakan perjalanannya sebagai seorang guru pelatih pada 1964, Dr Kamsiah kini pensyarah adjung di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS). - Foto BM oleh SYAMIL SAPARI*

Islam mengajar kita untuk bukan hanya menghormati, bahkan memuliakan guru. Agama kita meletakkan nilai yang tinggi kepada seorang guru kerana tugas mereka yang menyebarkan ilmu yang bermanfaat. Malah, begitu tinggi martabat guru dalam pandangan Islam sehingga terdapat pelbagai karya ulama terdahulu yang menitikberatkan soal adab terhadap guru. Sempena sambutan Hari Guru, HIDAYAH minggu ini menyelongkar tekad seorang guru veteran untuk terus mendidik anak mudanya.

SEJAK kecil, Profesor Madya Kamsiah Abdullah mempunyai semangat mengajar orang lain. Daripada mengajar rakan-rakannya cara memasak hingga mengajar jirannya membaca dan menulis, Dr Kamsiah selalu berkongsi pengetahuannya dengan orang lain.

Berjinak-jinak memberi tuisyen ketika di sekolah menengah pula membakar semangatnya untuk menjadi guru.

Memulakan perjalanan itu sebagai seorang guru pelatih pada 1964, Dr Kamsiah, 75 tahun, telah mengajar hampir 60 tahun.

"Saya sebenarnya mendapat inspirasi daripada guru saya semasa bersekolah. Saya rasa agak menarik betapa beliau dapat mengongsi pengetahuannya kepada saya sebagai anak murid.

"Jadi ketika itu, apabila bermain masak-masak bersama kawan-kawan saya, saya akan berpura-pura menjadi guru dan mengajar mereka cara memasak. Jika tidak bersama rakan-rakan saya, selalunya saya akan mengajar adik-beradik saya. Keluarga kami besar.

"Boleh dikatakan daripada situlah tercetus minat saya untuk membuatnya satu kerjaya," cerita anak sulung daripada 17 orang adik-beradik itu.

Bermula dengan mengajar di Sekolah Melayu Kota Raja sebagai guru Sains, beliau kemudian bertukar menjadi guru Bahasa Melayu.

Antara sekolah yang beliau pernah tumpahkan bakti ialah Sekolah Perempuan Tanjong Rhu dan Sekolah Menengah Maju.

Pada 1969, beliau ditugaskan ke Brunei sebagai guru pinjam selama lapan tahun sebelum pulang ke Singapura.

Kini, ibu enam anak itu adalah pensyarah adjung di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) dan mengajar beberapa modul, seperti penyelidikan dalam bahasa Melayu dan kajian perbandingan bahasa Melayu dan Indonesia.

Meskipun perjalanan kerjayanya sebagai guru agak mencabar, bekas pensyarah di Institut Pendidikan Nasional (NIE) ini berkata beliau menikmati pekerjaannya sepanjang masa, terutama apabila melihat anak didiknya mencapai kecemerlangan.

"Yang memberi saya motivasi ialah apabila saya melihat pelajar saya membesar dengan baik. Ada kini menjadi pensyarah dan ada juga merupakan rakan kerja saya.

"Jadi saya rasa tugas saya sebagai guru bukan satu beban tetapi sesuatu yang memberi saya kepuasan," kata beliau, yang pernah menyumbang khidmatnya selaku pensyarah bersekutu di SUSS dan Institut Nasional bagi Pembangunan Awal Kanak-kanak.

Dr Kamsiah menambah, ia juga memberi beliau peluang menjalankan kajiannya sendiri untuk terus meningkatkan pengetahuannya.

Meskipun sudah bersara pada 2012, pengarah lembaga Syarikat Guru-Guru Melayu Singapura Koperatif ini berkata beliau kekal komited mendidik generasi akan datang.

Berkongsi nasihat bagi guru generasi baru, Dr Kamsiah berharap mereka terus memperkasa minda anak muda.

"Terus mengajar mereka, kerana anda sedang mengajar anak-anak muda generasi akan datang. Ini adalah cara kita menyumbang kepada masyarakat.

"Tidak kiralah dengan pengetahuan atau nilai apa pun, yang penting ialah menyampaikan pengetahuan tersebut," ujarnya.









## *Gambar-gambar Kenangan 2*

# TAJAKA GRADUATION CONCERT 2013

***[GOH: MRS ABDULLAH TARMUGI]***


















Article 3

# Syarikat Guru Melayu Koperatif Sdn Bhd... 'by teachers, for teachers'....



**Oleh: Prof Madya Dr Roksana Abdullah**

Sebagai sebuah koperatif Melayu yang telah dirintis oleh para guru pada tahun 1931, SGM kini masih berdiri teguh dengan aset sebanyak $15 juta. Para perintis pertubuhan ini, antara lain ialah Cikgu A. Hamid Abdul, Cikgu Osman Hassan, Cikgu Jaafar A. Ghani, Cikgu Jaafar Muhammad, Cikgu A. Rahman Md Said, Cikgu Naya Harun dan Cikgu Aman Ahmad. Para guru ini boleh digolongkan sebagai insan-insan yang berpandangan jauh, bersemangat waja dan mempunyai semangat juang yang luar biasa dan wajar dibanggakan.

Ditubuhkan dengan misi utamanya untuk membantu para anggota dalam kalangan guru, jelas kejayaan yang amat dibanggakan tercapai kerana ramai sekali anggota yang telah meraih pelbagai manfaat, khususnya dari segi ekonomi. Proses mendapatkan bantuan pinjaman daripada SGM pada waktu itu amat mudah dan atas dasar utama SGM iaitu bantu membantu sesama anggota dan mencari jalan menyelesaikan isu atau masalah kewangan para anggota. Para guru yang menjadi anggota pada waktu itu merasakan seperti mereka mempunyai tempat mengadu, dan tersedia pelbagai kemudahan bagi mereka menjalani kehidupan tanpa beban kewangan yang membelenggu mereka. Kadar habuan yang dibayar sebagai ganjaran mendapatkan peluang membuat pinjaman itu, digunakan bagi menampung kos pentadbiran dan selebihnya dikongsikan semula kepada semua anggota dalam bentuk dividen. Maka itu tidak ada orang-orang perseorangan yang menikmati keuntungan hasil usaha perniagaan dan khidmat pinjam-meminjam di SGM kerana SGM merupakan pertubuhan milik semua anggota. Maka hasil pendapatan yang diraih juga menjadi rezeki sampingan yang dikongsi dengan semua anggota.





Pelbagai pengalaman pahit manis yang telah dilalui oleh para perintis serta para guru yang tampil menawarkan diri bagi meneruskan usaha murni ini. Para perintis telah banyak mencedok ilmu dari luar bidang kepakaran mereka sebagai guru serta berkorban masa yang banyak sekali untuk merealisasikan penubuhan SGM. Pelbagai cabaran dan hambatan yang dihadapi namun dengan semangat dan tekad yang satu, mereka telah berjaya menubuhkan SGM dan menawarkan perkhidmatan yang mesra pengguna dari segi pinjaman dan penabungan untuk para anggota.

SGM telah menebarkan sayapnya untuk meneroka pelbagai inisiatif selain kegiatan pinjam meminjam dan seperti organisasi-organisasi lain, terdapat bidang baru yang diterokai dengan jayanya dan ada juga yang menemui kegagalan. Walaupun terdapat beberapa kegagalan, SGM tidak pernah berputus asa, malah terus menebarkan sayapnya bagi menentukan nilai murni yang disemai oleh perintis terus dilestari dan api perjuangan yang dinyalakan bagi memelihara kemaslahatan para anggota telah terus disemarakkan oleh para guru yang menerajui tampuk pentadbiran SGM.

Sebagai contoh, SGM berbangga dan bersyukur kerana dapat menyelamatkan beberapa anggota daripada mengalami kemuflisan dan keaiban kewangan. Sering juga terdapat anggota yang menjadi pemiutang mengalami pelbagai cabaran hidup sehingga tidak berupaya membayar pinjaman daripada bank. SGM telah tampil sebagai penyelamat dengan melunaskan semua hutang-hutang mereka dan mereka dibenarkan membayar semula kepada SGM berdasarkan kadar yang termampu oleh mereka.

Wujud juga anggota yang berusaha meningkatkan pencapaian akademik mereka dan memerlukan dana pinjaman segera bagi melanjutkan pelajaran dan menangguhkan pembayaran hutang mereka. Semua permohonan yang dibuat secara formal ini akan dibincangkan oleh anggota lembaga pengarah dengan adil. Satu teras utama penubuhan SGM iaitu 'membantu anggota dan bukan menambah bebanan anggota' sering menjadi nilai teras sebelum keputusan diambil. Atas dasar inilah, ramai anggota yang masih meneruskan keanggotaan mereka walaupun telah bersara kerana sifat kasih dan penghargaan kepada jasa yang telah mereka raih daripada SGM sentiasa tersemat di hati mereka.

Semoga semangat untuk memastikan usaha murni SGM ini berterusan dan dijunjung oleh para anggota SGM. Semoga lebih ramai guru muda yang bijak dalam pelbagai ilmu akan tampil ke hadapan meneruskan 'amanah' para peneroka SGM. Usaha murni ini wajar diteruskan, dikembangkan dan ditingkatkan ke paras yang lebih tinggi oleh para pemegang amanah sebagai ahli Lembaga Pengarah. Tanggungjawab sebagai ahli Lembaga Pengarah tidak dapat dinafikan merupakan tanggungjawab yang berat. Tidak mudah untuk mengimbangkan masa dalam menjalankan tugas-tugas di sekolah dan kerja-kerja sukarela di SGM. Namun seperti pengasas SGM, diharapkan pengorbanan masa dan tenaga bagi meneruskan amanah ini, akan diberikan ganjaran pahala syurga.

Article 4

# Tabung Celengan, Tradisi Menabung Orang Jawa



**Oleh: Dr Hirman Mohamed Khamis**



*mb z m*

Mungkin ramai dalam kalangan orang-orang yang berumur juga telah lupa bahawa budaya berjimat dan menyimpan wang pernah wujud dalam sejarah Nusantara, khususnya dalam kalangan orang Jawa. Budaya yang telah berkurun usianya ini pula terkait dengan hasil kraftangan yang indah yang dikenali sebagai tabung celengan. Apabila dicari makna sebenar perkataan celengan di internet, atau lebih tepat lagi di Google, enjin carian ini memberikan makna savings, atau simpanan wang.




Walaupun makna tabung celengan di Indonesia sudah diperluas dan merangkumi tabung-tabung simpanan moden dalam pelbagai bentuk (seperti rumah dan kereta) dan karakter (haiwan kartun seperti gajah dan harimau) serta dibuat daripada besi dan plastik, tabung celengan tradisional Jawa tetap istimewa sebagai hasil tangan seseorang yang mahir mencorakkan bambu dan kayu serta bahan-bahan yang eksotik dengan ukiran sebagai hiasan. Keindahan dan keunikan tabung celengan tradisional mempunyai identiti tersendiri yang terkait rapat hanya dengan budaya dan kesenian Jawa yang lain.

(Gambar: Syawal Yusoff)

Keistimewaan ini dapat menjadikan tabung celengan suatu produk pelancongan yang menarik dan laris selain menjadi simbol kepada kebiasaan orang Jawa yang suka menabung dan berjimat. Maka tabung celengan juga patut dikaitkan dengan perjuangan SGM yang sememangnya berkenaan penabungan, kewangan dan pelaburan. Idea menjadikan tabung celengan sebagai cenderahati bagi semua ahli SGM pernah menjadi perbualan dalam kalangan ahli-ahli Lembaga Pengarah.




[Video tentang roses pembuatan tabung celengan tradisional dengan bahan bambu]
*https://www.youtube.com/watch?v=-vTB-PIU-Q0*

Tabung celengan tradisional yang dibuat daripada bambu dengan ukiran-ukiran yang indah masih dijual kepada orang ramai malah terdapat juga penjualan secara dalam talian oleh lelaman jual-beli yang bernama Tokopedia.




*https://www.tokopedia.com/find/celengan-bambu/c/jawa-barat*



*https://www.youtube.com/watch?v=mDNtxYuIRzA*

Untuk yang meminati kraftangan, ada banyak idea kraftangan membuat tabung celengan yang terdapat di lelaman Youtube. Kebanyakan yang memuat naikkan video-video tersebut ialah orang Indonesia. Tiga daripada video-video itu, kami paparkan di sini. Sekiranya anda membaca versi PDF buku ini, maka sila klik pada pautan yang telah disediakan.




Idea kreatif – membuat celengan daripada botol plastik
https://www.youtube.com/watch?v=2i8cDINAyD8




Idea kreatif – membuat celengan daripada kadbod
https://www.youtube.com/watch?v=Xz47ibsOPPI

Cara membuat kerajinan tangan celengan anak [Daripada PVC dan bermotif batik]
https://www.youtube.com/watch?v=QJ88WU7aLtY



Article 5

# Menabung dan Meminjam – Peralihan Minda



***Oleh: Tengku Mohammad Faizal Bin Ismail***

Lazimnya seseorang akan menyimpan atau menabung di bank. Ini kerana isu keselamatan dan faedah yang diberikan. Ianya juga sama apabila seseorang ingin meminjam bagi keperluan-keperluan tertentu. Hala tujunya sudah pasti ke bank. Ramai yang tidak tahu bahawa seseorang itu boleh menabung dan meminjam dari entiti (bukan dari peminjam haram) selain bank.

Tahukah anda bahawa seseorang itu dapat menabung dan menyimpan sekaligus daripada sebuah koperatif? Sebuah koperatif adalah sebuah organisasi yang ditubuhkan bagi menyediakan khidmat untuk menangani kemaslahatan para anggotanya. Sebuah koperatif berfungsi di bawah naungan 'Registrar of Cooperative Societies'. Antara khidmat yang tersedia adalah menabung dan meminjam. Setiap koperatif mempunyai persyaratannya yang tersendiri dalam menerima anggota dan memberi khidmat kepada anggotanya. Sesebuah koperatif atau koperatif kredit dapat memberi para anggotanya peluang menabung dan menyimpan hampir sama dengan bank tapi dengan pengurusan ala persaudaraan 'friendly loans'.

Suatu anjakan minda perlu berlaku. Para pendidik perlu melihat dan menggunakan khidmat koperatif seperti Syarikat Guru Melayu Koperatif Berhad (SGM) sebagai alternatif dalam usaha mereka menabung dan meminjam. SGM ada menyediakan berbagai jenis pinjaman yang dapat dimanfaatkan mengikut keadaan dan perancangan para anggota. Pinjaman bukan sekedar satu jalan untuk menyelesaikan masalah kewangan tetapi juga sebagai sumber yang dapat dijadikan modal pelaburan masa hadapan. Sebagai contoh, pinjaman untuk yuran kursus (jangka pendek atau panjang) untuk peningkatan diri sendiri atau ahli keluarga. Begitu juga dengan pinjaman bagi pembelian komputer, perisian komputer atau alat sokongan komputer. SGM akan sentiasa memberi sokongan padu kepada para anggotanya dan bersedia menerima anggota-anggota baharu. SGM adalah organisasi pendidik Melayu untuk pendidik Melayu.















*Gambar-gambar Kenangan 3*

# SEMINAR PLAN KOPERATIF

***[PADA SUATU MASA DAHULU ]***







Article 6

# Memories and Hopes


Picture: Copyright © Berita Harian

## *An article by Allahyarham Aliman Hassan*
## *Former Chairman of SGM, 1972 – 1982*

It is not my intention to blow my own trumpet but I would like to record my experiences and sweet memories while I was engaged with the Singapore Malay Teachers' Cooperative (SGMS).

I was once the Honorary Secretary of the Singapore Malay Teachers' Cooperative (SGMS), Cooperating Thrift and Loan with Tanggungan Berhad from 1957 to 1959, then member of Executive Committee for several years before being elected as Chairman on 11 Aug 1972.

The election proved a challenge to me as I lacked confidence in my ability to lead a cooperative whose members are the intellectual Malay elite - Malay teachers – about 1500 people. Knowing that I was together with 14 members of the Executive Committee, many of whom were very experienced and have long served SGMS, moreover its Honorary Secretary - Haji Muhd Yusof Abdullah – have served since 1965 efficiently with full dedication and commitment, so by and by I gained self-confidence to give my best possible service even whilst I realized my own weaknesses.

With the support of the administrative force that is experienced, efficient and dedicated, further supported by full-time officers (salaried) who are committed – specifically the late Ali Bin Abdullah – I tried to streamline the administrative engine of SGMS which was rather loose and fragile and explored investment and business potentials.

The first matter that I needed to give attention to was the Annual General Meeting (MAT) which was neglected for two years before I took over the post of Chairman. With the help of the Honorary Secretary and Honorary Treasurer and the full-time staff, we examined about two years of the

(Gambar: Syawal Yusoff)

Cooperative's accounts, and then made preparations for the MAT for the years 1971 and 1972. SGMS Annual Statement for the years 1971 and 1972 was shared in the MAT of 1973. With that the responsibility of the SGMS Management Committee towards its members who were constantly asking about the MAT which was not held for two years. That responsibility could not have been carried out for two years. That responsibility could not have been fulfilled and eased without the hardwork and close cooperation with the Honorary officers and the full-time officers.

"Bulat air kerana pembentung, bulat kata kerana muafakat."

"Water is held by a container, words are held by agreements."

I am of the opinion that the concept of 'To Save with Thrift and Responsibility' is outdated and no longer relevant in the context of life in the 70s. Other business areas must be explored so that SGMS can strengthen its financial standing and business capital while making use of the fees collected. In 1970, the fees collected was $939,591 and business capital was $1,155,716.

To change the pattern of business of SGMS, its base has to be changed. Its constitution needed to be changed and must be approved by the Registrar of Cooperatives of Singapore.

Exploring investment fields and businesses that could be ventured must be started by SGMS. The intention to change the basis of SGMS was given birth in the year 1974. Exploration can be made to:

a. The Singapore Teachers' Multi-Purpose Cooperative Society Ltd
b. Cooperatives in West Malaysia.

One resolution was proposed at the 37th AGM in December 1974 and was approved by members who attended it. At the Special General Meeting on 4 July 1976, the name SGMS was changed to "Syarikat Kerjasama Serbaguna Guru-Guru Melayu Singapura Berhad (SKSGMS)" with 1571 members and business capital of $2,577,710. The fee amounted to $2,026,638. This cooperative is the first Malay cooperative which became Syarikat Kerjasama Serbaguna in Singapore.




Various fields of investments and businesses were explored for the benefit of members and to upgrade their economic standing. Contributions to the community was also given attention.

The various fields that were explored were:
a. Carpet business
b. Tourism projects
c. Sales of insurance products

d.	Awarding bursaries to members and their children
e.	Development of Dana Kebajikan Am (General Charity Fund)

Donations were also given to:
a.	Orphanages
b.	Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud
c.	Singapore Association for Retarded Children
d.	Singapore Association for the Blind
e.	The Spastic Children's Association of Singapore

To increase knowledge and experience, SKSGMS became members of:
a.	Bank Kesatuan Syarikat-syarikat Melayu
b.	Dewan Perniagaan Melayu Singapura
c.	The Amalgamated Co-operative Ltd
d.	The Amalgated Investment Co-operative Society Ltd

Representatives of SKSGMS often attended conferences and seminars which were organized by national and Asian co-operative bodies.





# SGM Digitalisation Journey



***By Mohd Faizal Fadzlillah***

The Covid-19 pandemic has caused a lot of disruptions in our social interactions, has stopped a lot of activities or events being organized and impacted a lot of businesses bottom line. SGM is not alone in facing this crisis. A lot of cooperatives are facing challenges that they have not encountered before and it is putting a strain on both the operations and finances of the cooperatives.

SGM saw this as an opportunity to innovate and improve its systems and processes. With the CCF grant provided by SNCF which funds up to 80% of the costs for productivity solutions, SGM made a decision to embark on a digitalisation project. Vendors from 3 companies showed interest and submitted quotations. Applivon Pte Ltd was selected based on the most cost-effective solution provider.

Before this project began, HQ staff had to grapple with 3 different systems to manage its accounts and membership, among others. Staff has to manually check and update loan details every month from different sources. It was slow, tedious and challenging for staff. Membership details were often incomplete and not current. It was also difficult for SGM to embark on outreach projects with members.

After several meetings with HQ and Childcare Centres' staff to find out the processes and operations, Applivon proposed a single customized system solution that integrates different areas such as accounts, finance, membership, loans and HR management. This system is based on Odoo Enterprise Resource Planning (ERP) software system. What does ERP offer? It helps to implement resource planning by integrating all of the processes needed to run a company under a single system. On its own, Odoo is a fully integrated, customisable, open-sourced software package with hundreds of business applications. To date, there are 7 million users globally.

For SGM, Applivon has developed custom modules that meet the specific requirements of the cooperative. The diagram below shows the overall modules that are available:



Let's look at just two of them, Members & Loans. Under Members' module, there are members' details such as personal & family details, savings, shares and nominees. Staff can easily search, view and update the members' details at a few clicks of the mouse. Here's a snapshot of the screen.




Under the Loans' module, staff can have quick access to members' current and past loans. Up-to-date reports can be generated and printed for the members' record. Members may also check online their own loan details.



Going forward with this system, there are several obvious benefits that both SGM and members will enjoy. They are:

- Increased operational efficiency and productivity of staff
- Members' service satisfaction
- Faster loan applications and approvals
- Accessibility to loans and savings information through members' portal
- Better and more targeted outreach programmes for members to enjoy

This project began in mid-March and is expected to be completed by end August. Total cost of the project, including the license and maintenance fees, is $71000 of which most of it is funded by SNCF. Staff had worked hard to ensure that the transition from the old system to the new one was smooth, especially in terms of data migration.

Together with this digitalization efforts in software, the hardware had to be upgraded too. The old computers were proned to crashing and were unable to cope with the latest demands in computing and networking. Computers at HQ, which were more than 8 years old, were changed to better cope with these new technologies and systems.

It is hoped that through this innovative and transformational effort, SGM cooperative can play a more effective and pivotal role in the community of Malay/Muslim teachers in Singapore.











*Gambar-gambar Kenangan 4*

# LAWATAN KE PADANG & BUKIT TINGGI 1987
















# Visi Angkatan MUDA SGM

Dalam segmen ini, kita mendengar luahan hati para aktivis (yang juga Anggota Lembaga Pengarah) SGM dalam kalangan guru-guru muda. Kisah mereka menyertai SGM dan sebab-sebabnya, ujian dan cabaran yang dihadapi serta apakah visi dan harapan mereka untuk SGM pada masa akan datang.

## PANDANGAN SAYA


OLEH: MAZLI MAHMOOD
ANGGOTA LP SGM
ANGGOTA JAWATANKUASA AUDIT
PENGERUSI BERSAMA JKK
KENGGOTAAN & PENERBITAN




## PERMULAAN

Saya diperkenalkan kepada SGM semasa saya menuntut di NIE pada tahun 2012. Pensyarah saya, Prof Roksana sempat memberitahu saya dan rakan-rakan tentang SGM semasa salah satu sesi kuliah.

Sebaik sahaja selesai penerangan yag diberikan oleh Prof Roksana, saya membuat keputusan untuk menyertai SGM sebagai anggota. Saya juga menggalakkan beberapa rakan saya dalam kuliah untuk turut serta menjadi anggota. Alhamdulillah, ada beberapa orang rakan saya yang juga turut serta menjadi anggota SGM.

Tidak lama kemudian, kami dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Agung SGM.

Al-Kisahnya, saya dan rakan saya, Ariff, dipilih untuk menjadi anggota BOD SGM. Bagi saya, ini adalah peluang saya untuk berbakti, seperti kata pepatah Inggeris, 'giving back to the fraternity'.
Diam tak diam, sudah 10 tahun saya melibatkan diri sebagai anggota BOD SGM. Kenangan yang tidak dapat saya lupakan pastinya ialah lawatan ke Makassar, Indonesia, di mana kami turut melawat sebuah koperatif di sana.

## MASA DEPAN

Kini, sudah 10 tahun saya berkhidmat, sementara SGM pula telah 90 tahun memberi sokongan dan bantuan kepada anggota-anggotanya. Apakah yang boleh saya jangkakan apabila SGM melangkah ke arah 100 tahun kelak. Beberapa perubahan bakal berlaku.

Yang pertama, SGM akur akan perlunya mengikut edaran masa dan masuk ke alam digital. Tidak

lama lagi, para anggota SGM boleh meneliti akaun masing-masing menerusi internet. Segala urusan pinjam-meminjam dan juga simpanan boleh dijalankan secara dalam talian.

Pada masa yang sama, kemudahan ini diharap dapat menarik lebih ramai untuk menjadi anggota SGM. Masih ramai guru di luar sana yang masih tidak tahu tentang wujudnya SGM. Mungkin ada di sana yang masih ragu-ragu dengan khidmat yang diberikan SGM. SGM sekarang sedang berusaha untuk mendapatkan pengesahan bahawa segala urusan kewangan SGM dijalankan menurut hukum Syariah.

Diharapkan segala usaha SGM akan membawa hasil dan SGM bakal mendapat lebih ramai anggota yang baharu. Yang pasti, sebagai anggota Lembaga Pengarah SGM, kami akan berusaha demi menyokong dan meningkatkan kemaslahatan para anggota kami.

Semoga SGM akan sentiasa maju dan makmur, Insya Allah.



# ASPIRASI SAYA – SGM MENUJU KE 100 TAHUN

OLEH: TENGKU MOHAMMAD FAIZAL BIN ISMAIL
NAIB PENGERUSI LP SGM
PENGERUSI JKK KECEMERLANGAN ORGANISASI



Semenjak ditubuhkan pada tahun 1931, SGM telah menyaksikan perubahan landskap pada ekonomi, pembangunan negara dan juga pendidikan; sekaligus perkembangan dan peningkatan pada kerjaya pendidik itu sendiri. SGM telah wujud di tengah-tengah masyarakat pendidik Melayu dengan menyediakan khidmat bagi kemaslahatan para pendidik yang telah menjadi anggotanya.

Kini SGM berusia 90 tahun dan masih gigih memberikan khidmat kepada para anggotanya. Saya beruntung dipilih dan diberi peluang untuk menganggotai Lembaga Pengarah SGM. SGM telah mengajar saya erti berkhidmat untuk masyarakat dan semangat kawan setia. Bersama anggota Lembaga Pengarah yang mapan dan baharu, kami sentiasa berdiskusi dan bersumbangsaran bagi memajukan SGM demi kepentingan para anggotanya.

Tahun ini, SGM giat meningkatkan sistem penyelenggaraannya; baik dari segi 'software' dan 'hardware' serta pembangunan para petugas. SGM juga giat meneroka kerjasama dengan entiti perniagaan bagi mendapatkan tawaran dan promosi produk serta perkhidmatan untuk para anggota SGM.

SGM telah berjaya bertahan dan tetap relevan sehingga kini. Aspirasi saya bagi SGM ialah untuk menyaksikan SGM menjejak usia 100 tahun, malah lebih. Ini dapat dikecapi dengan SGM sentiasa gigih meneroka dalam menyediakan khidmat untuk para anggota dan dengan sokongan hebat dari para pendidik berbangsa Melayu. SGM perlu sokongan padu tenaga pendidik di Kementerian Pendidikan, madrasah-madrasah dan tajaka-tajaka sebagai tunggak utama. Mari kita jadikan SGM organisasi pendidik Melayu yang unggul di Singapura.





# SGM TERUS RELEVAN

OLEH: MUHAMMAD ARIFF BIN
MOHD NOOR
ANGGOTA LP SGM
ANGGOTA JAWATANKUASA AUDIT
ANGGOTA JKK PEMINJAMAN



## SIAPA?

Masih teringat ketika itu Profesor Roksana mempromosikan Syarikat Guru Melayu (SGM) kepada kami, pelajar-pelajar beliau di NIE. Namun, pada masa itu, tidak tergerak hati saya untuk menyertai SGM.

Hanya setelah saya selesai praktikum terakhir saya di Sekolah Rendah Lianhua, barulah saya menyertai SGM sebagai anggota, atas saranan Cikgu Faizal Ismail, "cooperating teacher" saya.

Beliau jugalah yang menyokong agar saya dan rakan sekursus iaitu Cikgu Mazli Mahmood diterima sebagai lembaga pengarah SGM.

## PERASAAN

Sejujurnya saya merasakan bahawa bukan mudah untuk mentadbir SGM lebih-lebih lagi apabila mengetahui bahawa pada suatu ketika dahulu, SGM merupakan institusi kewangan yang pertama bagi para guru Melayu membuat pinjaman. Kini, peranan itu telah diambil alih oleh institusi-institusi kewangan yang lain seperti bank.

Selain itu, terkesan juga kita sebagai guru apabila mengetahui bahawa ada sebilangan guru yang dikenakan tindakan disiplin kerana terjebak dengan masalah keaiban kewangan ataupun "financial embarrassment". Perkara ini dapat dielakkan sekiranya guru itu meminjam daripada SGM kerana telah ditetapkan oleh Kementerian Pendididkan bahawasanya pinjaman yang dibuat melalui kooperatif seperti SGM tidak dianggap sebagai dalam keadaan keaiban kewangan ataupun "financial embarrassment". Bukan itu sahaja, faedah yang dikenakan SGM berpatutan, tidak seperti institusi kewangan yang pada mulanya menjanjikan bulan dan bintang namun jika ada masalah pembayaran, faedah itu akan dilipat ganda. SGM tidak seperti itu. SGM boleh dibawa berbincang. Selain itu, setiap keuntungan yang diraih oleh SGM dikongsi bersama dengan ahli-ahli SGM yang lain melalui "dividen" tahunan.

## KAEDAH

Justeru itu, untuk memastikan SGM kekal relevan, beberapa langkah akan diambil, hasil daripada perbincangan-perbincangan yang dijalankan.

Pertama, SGM sedang dalam proses untuk diiktiraf sebagai sebuah badan kewangan yang mematuhi Syariah. SGM telah mendapatkan khidmat Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Singapura (PERGAS) untuk mendapatkan pengiktirafan itu.

Kedua, pengurusan SGM harus setanding dengan institusi-institusi kewangan yang lain. Justeru itu, SGM telah mendapatkan khidmat Applivon agar pengurusan SGM dapat didigitalisasikan. Sistem digital ini akan memastikan pengurusan SGM lebih cekap.

Ketiga, SGM akan menggunakan WhatsApp untuk berkongsi maklumat dengan para anggota kerana kami berpendapat bahawa surat-menyurat mengambil masa yang lama dan emel pula jarang dibaca. Oleh sebab itu, SGM berharap bahawa kaedah ini dapat memastikan bahawa para anggota mendapat maklumat terkini daripada SGM secepatnya.

## KESIMPULAN

Saya berharap bahawa kaedah-kaedah yang akan dijalankan akan membantu SGM kekal relevan demi para anggota SGM.

# "Oleh Guru Untuk Guru"







DARI KOTA RAJA KE PAYA LEBAR

AHLI-AHLI JAWATANKUASA SGMS 1965

Duduk dari kiri: Cik Mahat A Samad (Pg. P. Wang 1), Cik Muhammad Simin (JK), Cik A Jamil Ahmad (Bekas Pengerusi), Cik Harun Bajuri (JK), Cik Sharif Nahar (P. Wang), Cik Md Yusof Abdullah (Setiausaha)

Berdiri dari kiri: Cik Kayum Kastawi (JK), Cik Yahya Othman (JK), Cik Suandi Ahmad (JK), Cik Zainal Abidin Ahmad (Pg. P. Wang 2), Cik Ahmad Hj A Hadi (JK), Cik Boslan Abas (JK), Cik Md Aid Hj Mustaffa (JK), Cik Tasrif Md Taib (Pengerusi), Cik A Rashid Hj Zohri (Pg. Setiausaha)



# Gambar-gambar Kenangan 5
# LAMA DAHULU











# Rampaisari WARISAN 1

## DAGING MASAK KETUMBAR

***Oleh: Puan Zubaidah Zainal Abidin***

### BAHAN - BAHAN A

Daging Kambing Segar - 1 kilo (isi)

Air - 10 cawan

Halia - 2 inci

Bawang Putih - 10 biji

Garam - secubit

### BAHAN - BAHAN B

Minyak Masak - 3 sudu besar

Bawang Besar - 3 biji (potong panjang)

Ketumbar Biji - 3 sudu besar

Daun Ketumbar - 1 pokok

Bawang Goreng - 3 sudu kecil

Garam - secubit

### CARA-CARA BAHAN A

1. Daging dicuci bersih dengan air lalu dimasukkan ke dalam periuk dengan 10 cawan air.
2. Masukkan juga bahan kisar dan secubit garam.
3. Rebus selama 20 minit atau sehingga daging itu empuk.
4. Setelah itu daging ditos dan airnya dibuang.







### CARA-CARA BAHAN B

1. Panaskan minyak di kuali.
2. Masukkan bawang besar hiris, ditumis hingga layu.
3. Masukkan ketumbar biji dan daging yang telah ditos tadi ke dalam kuali dan digaul rata.
4. Akhir sekali, masukkan garam dan daun ketumbar.
5. Hias dengan bawang goreng.

# Rampaisari WARISAN 2



## PANTUN PUSAKA

## ڤنتون ڤوساک

***Pantun pilihan Hamsani Raoh***

*Tinggi-tinggi si matahari,*
*Anak kerbau mati tertambat;*
*Sudah lama saya mencari,*
*Baru sekarang saya dapat.*

تيڠݢي٢ سي ماتاهاري،
انق کرباو ماتي ترتمبت؛
سوده لام ساي منچاري،
بارو سکارڠ ساي داڤت.

*Berburu ke padang datar,*
*Dapat rusa si belang kaki;*
*Berguru kepalang ajar,*
*Bagai bunga kembang tak jadi.*

بربورو کڤادڠ داتر،
داڤت روسا سي بلڠ کاکي؛
برݢورو کڤالڠ اجر،
باݢاي بوڠا کمبڠ تق جادي.

*Tegak rumah kerana sendi,*
*Runtuh sendir rumah binasa;*
*Tegak bangsa kerana budi,*
*Runtuh budi bangsa binasa.*

تݢق رومه کران سندي،
رونتوه سندير رومه بيناس؛
تݢق بڠسا کران بودي،
رونتوه بودي بڠسا بيناس.

*Apa guna menuai padi,*
*Tiba masa bertumbuh lalang;*
*Apa guna menabur budi,*
*Jika bakti tidak dikenang.*

اڤ ݢونا منواي ڤادي،
تيبا ماس برتومبوه لالڠ
اڤ ݢونا منابور بودي،
جک بقتي تيدق دکنڠ.

*Pantun gurindam pusaka bangsa,*
*Wajib diwarisi setiap generasi;*
*Seloka dan madah hiasan kata,*
*Tanda beradab pelengkap diri.*

ڤنتون ݢوريندم ڤوساک بڠسا،
واجب دواريثي ستياڤ ݢينراسي؛
سلوک دان ماده هياسن کات،
تندا برادب ڤلڠکڤ ديري.

# *Rampaisari*
# WARISAN 2

*Berakit-rakit ke hulu,*
*Berenang-renang ke tepian;*
*Bersakit-sakit dahulu,*
*Bersenang-senang kemudian.*

براکيت-راکيت کهولو
برنڠ-رنڠ کتڤين؛
برساکيت-ساکيت دهولو،
برسنڠ-سنڠ کموديان.

*Nyiur gading puncak mahligai,*
*Ketupat berisi inti;*
*Hancur daging tulang berkirai,*
*Sebelum dapat tidak berhenti.*

ڽيور ݢاديڠ ڤونچق مهليݢاي،
کتوڤت برايسي اينتي؛
هنچور داݢيڠ تولڠ برکيراي،
سبلوم داڤت تيدق برهنتي.

*Anak merpati disambar helang,*
*Terbang ke titi di dalam huma;*
*Harimau mati meninggalkan belang,*
*Manusia mati meninggalkan nama.*

انق مرڤاتي دسامبر هلڠ
تربڠ کتيتي ددالم هوما؛
هاريماو ماتي منيڠݢلکن بلڠ
مانسي ماتي منيڠݢلکن نام.

*Anak kerengga memanjat pagar,*
*Baru ini nampak kakinya;*
*Tujuh tahun gunung terbakar,*
*Barulah sekarang nampak apinya.*

انق کرڠݢ ممنجت ڤاݢر،
بارو اين نمڤق کاکيڽ؛
توجوه تاهون ݢونوڠ ترباکر،
باروله کيني نمڤق اڤيڽ.

*Belayar kapal bertimbang lurus,*
*Patah kemudi sepanjang pantai;*
*Tuan laksana cindai yang halus,*
*Alah membeli menang memakai.*

بلاير کاڤل برتيمبڠ لوروس،
ڤاته کمودي سڤنجڠ ڤنتاي؛
توان لقسان چينداي يڠ هالوس،
اله ممبلي منڠ مماکاي.

***Lima rangkap pantun terakhir dipetik daripada Kumpulan Pantun Melayu (diselenggarakan oleh Zainal Abidin Bakar); DBP Kuala Lumpur, 1983***

# SNCF-SGM Meeting

Tuesday, 15th March @ Wisma SGM



**Reported by: Idris Aziz Mattar**
*General Manager, Singapore Malay Teachers' Co-operative Ltd*

This was an Engagement Visit by the new CEO of the Singapore National Co-operative Federation (SNCF). SGM's Executive Committee Members and the Manager were there to receive them.




Group photo showing from left:
Manager, SGM, Mr Idris Aziz Mattar, Senior Manager, Credit and Services, SNCF, Ms Jovian Koh, CEO, SNCF, Mr  Ang Hin Kee, Chairman, SGM, Mr Johari Rais, Dep Chair 2, SGM, Mr Faizal Ismail, Relationship Manager, SNCF, Mr Shakeel Rashid and Dep Chair 3, Mr Faizal Fadzlillah.



Group photo of SNCF team greeted by Manager, SGM, Mr Idris, when they arrived on Tuesday, 15th March 2022, for an Engagement Visit.



Photos showing SNCF and SGM teams at the Conference Room, SGM, for the Engagement Discussions. A friendly and cordial relations exist where there were free-flow of ideas and sharing of co-operative incidences from which much could be learnt.



# Penglibatan Syarikat Guru-Guru Melayu Koperatif Berhad di Tabung Amal Aidilfitri

*Oleh: Tengku Mohammad Faizal Ismail*

Syarikat Guru-guru Melayu (SGM) sebagai salah satu organisasi Melayu di Singapura, sudah pasti menyokong usaha-usaha organisasi-orgnisasi Melayu di Singapura dalam program kemasyarakatan. Tabung Amal Aidilfitri (TAA), sejak penubuhannya pada 1992 adalah antara organisasi Melayu yang mendapat sokongan padu SGM. Bersama-sama, kami membantu golongan fakir miskin dan yang kurang bernasib baik. Antara penerima TAA termasuklah pesakit daripada keluarga berpendapatan rendah yang menghidap penyakit kronik seperti kegagalan buah pinggang, angin  ahmar, barah dan kencing manis.

Pada tahun 2021, Pelancaran TAA telah dihadiri oleh Drs Hamsani Raoh, bagi pihak SGM selaku anggota Trustee TAA dan perwakilan SGM, Cikgu Mohammad Faizal Ismail selaku anggota EXCO TAA.







# Pelancaran TAA pada 2022...















*Group Photo after the Retreat showing the Chairman, SGM, Mr Johari, together with the General Manager, Mr Idris, SSA Retreat Facilitators, Dr Zainal, Mr Amir, eleven SGM Board of Directors, SGM SAO, Mr Rab, Principals and Vice-Principal of both SGM Little Kidz at Rivervale and SGM Murni at Tampines.*

# Singapore Malay Teachers' Co-operative Ltd (or SGM) embarks on its next FIVE years PLANS (2022-2026)



**PREPARED BY: Idris Aziz Mattar**

SINGAPORE MALAY TEACHERS' CO-OPERATIVE LTD (better known as SGM) Strategic Planning Retreat (working on extending its Success Story!)

SGM engaged Suhaimi Salleh Associates (SSA) Academy to conduct the Strategic PLanning Retreat , looking into 2022 – 2026. Held on Monday, 6th December 2021 to Tuesday, 7th December 2021, it was a one-and-a-half day session involving Members of the Board of Directors, Principals and Vice-Principal of the Childcare Centres, Senior Accounts Officer, SGM, and the General Manager, SGM.

The Retreat was conducted and facilitated by Mr Md Amir Abdullah, Assistant Vice-President Technology Solutions, assisted by Dr Zainal Abidin Ahmad, Senior Vice-President and Mr Derek Cheah, Senior Consultant.
With SGM's VISION, MISSION and CORE VALUES revised thus:

VISION : A credible, dependable and reputable co-operative with CONSCIENCE

MISSION : To enhance the financial well-being of the Members.

CORE VALUES : Service-oriented, integrity, commitment, accountability and efficiency.

The Retreat focused on FOUR main areas SGM would like to see progressing well into the FUTURE :

1. FINANCE AND LOANS
2. MEMBERSHIP
3. CHILDCARE DEVELOPMENT
4. ORGANISATIONAL EXCELLENCE

The Retreat was very much engaging and fruitful with many takeaways and suggestions that are useful, and should be put into practice to ensure that SGM remains relevant for the next 5-10 years.

It leaves now for the IMPLEMENTATION STAGE where all Board Members should be fully-determined and committed to work on the various strategies far into the future.

SGM can, and will always, remain relevant to the Malay-Muslim teachers' community it serves, in particular, and to the community, at large.

SGM Murni
Child Development Centre




**https://sgmmurni.org.sg/**

# Our Services

We offer full and half day care services for children of age groups:



**TODDLER**
18 months - 2 years old



**NURSERY ONE**
2 years and 3 years old



**NURSERY TWO**
3 years to 4 years old



**KINDERGARTEN ONE**
4 years to 5 years old



**KINDERGARTEN TWO**
5 years and 6 years old

## Our Objectives

### Holistic Approach

To offer holistic approach encompassing cognitive, aesthetic and moral development .

### Child Capability Development

To develop each children capability as unique individual who learns and develops on his/her own rate.

### Creative Learning Programme

To provide a creative learning programme for young children

### Enhanced Curriculum

To enhance the curriculum that provides interesting and varied activities based, within thematic modules.

## Contact us:

**Our Address:**
Blk 411 Tampines St 41
#01-241,
Singapore 520411.

**Tel:** 6260 1894
**Fax:** 62601895

**Email:**
askmurni@sgmcoop.org.sg

| Types of Services | Basic subsidy (Working Mother) | Basic subsidy (Non-working Mother) | Non- Subsidized Rate |
|---|---|---|---|
| ***Child Care Full Day (18mths-6yrs)*** | *$300* | *$150* | ***$850*** |
| ***Child Care Half Day (18mths-6yrs)*** | ***$150*** | ***$75*** | ***$500*** |

# SGM Little KiDZ Rivervale
## *CHILD CARE CENTRE*

SGM Little KiDZ @ Rivervale is a non-profitable organization which started operations on 1st September 2010. We provide Infant, Child and Student care services for all families regardless of race, language or religion.

At Little KiDZ, the thematic based curriculum and activities are designed to stimulate interest and the development of good life-long habits. Our aim is to produce healty, confident and happy children.



| TYPES OF SERVICE | FEES BEFORE GOVT. SUBSIDY | GOVT.SUBSIDY (WORKING MOTHER) | FEES PAYABLE |
|---|---|---|---|
| Infant Full Day (2 mths – 18 mths | $1050 | $600 | $450 |
| Infant Half Day (2 mths – 18 mths | $740 | $300 | $440 |
| Child Care Full Day (18 mths – 4 yrs) | $630 | $300 | $330 |
| Child Care Half Day (18 mths – 4 yrs) | $400 | $150 | $250 |
| Child Care Full Day (4yrs – 6 yrs) | $600 | $300 | $300 |
| Child Care Half Day (4yrs – 6 yrs) | $400 | $150 | $250 |

***Note: Goverment Subsidy for non-working mother: $150***

**SGM Little Kidz @ Rivervale**
Blk 188C, Rivervale Drive, #01-1042, Singapore 543188, Tel: 6386 2868 Fax: 6386 8038
Website: www.sgmcoop.org.




# PERKHIDMATAN SGM / SGM SERVICES

## *Mandatory Account*

### S1

### MUDHARABAH SHARE CAPITAL

This savings facility is designed to recognize our members as owners of SGM.

Voting Rights

$1,000.00 upon application

Annual dividend from surplus

Withdrawable upon ceassation of membership

*Apply for your membership*

JOIN TODAY!

### S2

### MUDHARABAH SUBSCRIPTION

This savings facility is created to inculcate good saving habits among our members

Wealth Accumulation Retirement

$30 Monthly Minimum

Annual Dividend from Surplus

Withdrawable for the purchase of house, Umrah or Haj Pilgrimage and education expenses but should maintain a balance of $500.00

*Apply for your membership*

JOIN TODAY!




# PERKHIDMATAN SGM / SGM SERVICES

## *Optional Account*

| S3 | S4 | S5 |
|---|---|---|
| MUDHARABAH GENERAL SAVINGS | MUDHARABAH HAJ/ UMRAH SAVINGS | MUDHARABAH EDUCATION SAVINGS |
| This savings facility is catered for member's short-term expenditures | This saving facility is established to help our members who are planing to perform the Umrah or Haj pilgrimage in the future | This saving facility is set up to help our members set aside savings for their children and their own future education purposes |
| Short-term expenditure such as yearly holiday, road tax renewal, income tax, festive season and other contigencies purposes | Umrah or Haj | Education purpose |
| $30 monthly minimum | $30 monthly minimum | $30 monthly minimum |
| Annual returns | Annual dividend not applicable | Annual returns not applicable |
| No withdrawal limit | Withdrawable upon performing of Umrah or Haj pilgrimage | No withdrawal limit |
| *Apply for your membership* | *Apply for your membership* | *Apply for your membership* |
| JOIN TODAY! | JOIN TODAY! | JOIN TODAY! |

***Our Address:***
*785 Geylang Road*
*Singapore 389673*

***Tel:*** *6743 9595*
***Fax:*** *6743 9559*
***Email:*** *info@sgmcoop.org.sg*

***Office Hours:***
*Mon - Friday : 9.00 am - 6.00 pm*
*Saturdays : 9.00 am - 1.00 pm*
*Sundays & Public Holidays : Closed*

# SGM LOANS



SGM offers all our members various types of personal loans. There are two types; **secured loans** and **unsecured loans**. For unsecured loans, a surety is required. Loans can be up to 60 months and interest rates as low at 3% per year. Please view our loan types below. Should you have any queries on our loans, please do not hesitate to contact our friendly service staff. All loan applications will be handled with strict confidence.

Personal Surety Loan | Short Term Loan | Education Loan | Renovation Loan | Medical Loan | Marriage Loan | Mid Term Loan A | Mid Term Loan B | Mid Term Loan C | Mid Term Loan D

## Personal Surety Loan

### Loan Amount

Actual amount of total paid-up Share Capital + Saving Deposit

### Maximum Repayment

60 Months or more,
Subjected to the Loan Committee approval

### Loan Interest

3%

### Eligibility

Ordinary & Associate Members Only

APPLY FOR LOAN

### PERSONAL SURETY LOAN CONDITIONS

A member is eligible to apply for Personal Surety Loan up to the actual amount of the total of his paid-up Share Capital and Saving Deposits.

Such a loan shall ordinarily be repayable in not more than 60 monthly installments commencing from the month the loan is granted. The Loan Committee may in exceptional cases approve repayment over a longer period depending on the amount borrowed.

## Loan Eligibility

Unless otherwise disqualified, a member who pays monthly subscription in accordance with By-Laws 8.5.1. shall be eligible for a loan, secured by the Loan Default Scheme or Sureties Scheme.

A Member must satisfy the following requirements to be eligible to apply for a loan;




# Merpati the Wedding Gallery

**80 CHANGI ROAD #02-74**
**CENTROPOD @CHANGI SINGAPORE 419715**

**CONTACT.MERPATI@GMAIL.COM**

**MERPATITWG** **83218253**

**10% discount for All SGM Members**

Sasy n Savy
Australia's Natutral Skincare
Vitamins   Antioxidants   Nutrients



Wild Lime n Lemongrass
Easily absorbs, hydrates,
nourishes and refreshers your skin.



Pink Cedar n Fig
Nourishes & hydrates leaving
your skin feeling soft, smooth and radiant.



Carrier & Essential Oil
Use to manage stress & body massage



Peppermint n Rosemary Revive
Improve the hair scalp & strenghten the hair roots.



Facial skincare suitable for
combination to sensitive skin types.
Available in travel pack too.

Mdm Mas's Review
(48 years old):
I have skin problem. I used SnS wash and handcream. After a few days my skin is moisturise and smooth again like before. Good for eczema.

Mdm Zaleha's Review
(50 years old):
My hair dresser finds my hair texture is smooth & nice. My hair roots are stronger than before.

Mdm Noor's Review
(70 years old):
The skincare product is gentle on the skin yet I could feel the deep cleansing effect. I love the SnS sea salt cleanser and facial exfoliant.

**Get in touch**
**☎ (+65) 9770 0132 / 9852 8305 / 9100 4855**
**For free sampling visit us at:**
**Sooo Jambu Booth (weekends only)**
**Blk 374 Bukit Batok St 31 opp #01-184**
**www.sasynsavy.com.sg**
*** Ideal gift for every age & gender**
*** Suitable for any celebration**
**FREE delivery for purchases above $80/-**
**Simple wrapping services provided @ $8/-**


KITCHEN RECIPE
SERI SG
+65 89098854 /88085961 / 96747502
info@serisg2.com / ifah.serisg@gmail.com
www.serisg2.com
Taste of Middle East
The handpicked spices to enhance your dishes
with the premium flavor
BARBEQUE
SPICES
MEAT, CHICKEN & FISH
KITCHEN RECIPE
PRODUCTS OF PAKISTAN
BIRYANI MASALA
KITCHEN RECIPE
PRODUCTS OF PAKISTAN
DEEP FRIED SEASONING POR
KABSAH RICE
INSTANT
SERI.SG
Middle East Luxury Taste
INSTANT
SERI.SG
KITCHEN RECIPE
PRODUCTS OF PAKISTAN
MULTI PURPOSE
SPICES
RENDANG SPICES
KITCHEN RECIPE
PRODUCTS OF PAKISTAN
BIRYANI RICE
INSTANT
SERI.SG
MANDHI RICE
INSTANT
SERI.SG
Middle East Luxury Taste
Its an Ideal gift set for family & friends
Suitable for any celebration
FREE DELIVERY for purchase above $100 & above
wraping service provided at $15/ gift set

SENTIASA GIGIH MENEROKA